

**Ekonomi global jejas eksport
Utusan Online
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 21 Mac - Eksport dan import dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan pada 2012, ekoran ketidakpastian dalam ekonomi global.

Laporan Tahunan 2011 Bank Negara Malaysia berkata, bagaimanapun, lebih akaun semasa dijangka kekal besar pada RM109.5 bilion atau 12.2 peratus kepada pendapatan negara kasar (PNK).

Bagi akaun kewangan, aliran modal jangka panjang dijangka lebih rendah tetapi aliran jangka pendek mungkin lebih tinggi dan tidak menentu.

Pertumbuhan dalam eksport kasar diramal perlahan disebabkan prestasi komoditi lebih lemah.

Import kasar juga diunjur lebih perlahan pada 2012 dengan import barangan pengantara agak perlahan kerana pengilang mengurangkan pengeluaran sejajar dengan eksport yang menurun.

Import barangan modal turut perlahan disebabkan pelaburan yang sederhana, manakala import barangan pengguna juga kecil kerana perbelanjaan pengguna berhemat.

Jangkaan prestasi import itu sekali gus menjadikan defisit dalam akaun perkhidmatan dijangka mengecil pada 2012.

Pelaburan langsung asing (FDI) diramal sederhana pada tahun ini, mencerminkan permintaan luar negeri yang lemah dan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global.

Manakala trend dalam pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat negara menyamai FDI, tetapi pada kadar lebih rendah.

DIA dijangka disalur ke dalam sektor perkhidmatan serta sektor minyak dan gas dengan tumpuan berterusan pada pasaran pertumbuhan tinggi di rantau ini.

Meskipun ekonomi global mencabar, syarikat Malaysia dijangka terus meneroka pasaran luar untuk memperoleh akses kepada pasaran baharu lebih besar supaya dapat mewujudkan syarikat tempatan yang lebih berdaya saing dan bertaraf global.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_04.htm